

30/10/1998

Pembangkok diminta fahami sistem demokrasi

PIHAK pembangkang diminta memahami dulu sistem demokrasi di negara ini sebelum membangkitkan isu sama ada Yang di-Pertuan Agong bersetuju atau tidak dengan keputusan kerajaan memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nazri Tan Sri Aziz, berkata soal bukti sama ada Yang di-Pertuan Agong benar-benar bersetuju tidak seharusnya timbul kerana persetujuan itu adalah atas nasihat berdasarkan keputusan kerajaan.

"Sistem demokrasi di negara ini adalah demokrasi Raja Berpelembagaan dan bukannya raja berkuasa mutlak. Ini bermakna, Yang di-Pertuan Agong melaksanakan sesuatu atas nasihat, iaitu berdasarkan keputusan kerajaan yang dipilih rakyat.

"Apapun persetujuan Yang di-Pertuan Agong berhubung perkara ini sudah jelas kerana peletakan jawatan Anwar sudah diwartakan," katanya menjawab soalan tambahan Chiew Chiu Sing (DAP-Bintulu) semalam.

Chiew mempersoalkan bukti persetujuan secara bertulis oleh Yang di-Pertuan Agong berhubung pemecatan Anwar.

Nazri berkata, dalam hal ini rakyat mempunyai suara muktamad kerana mereka yang memilih wakil dan Perdana Menteri pula dipilih daripada kalangan wakil berkenaan.

Oleh itu, katanya, keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Perdana adalah berdasarkan suara rakyat.

Menurutnya, tindakan pihak tertentu mempersoalkan perkara berkenaan seolah-olah ingin mengembalikan negara kepada cara pemerintahan lama yang memberi kuasa mutlak kepada raja.

Menjawab soalan asal Chiew, beliau menjelaskan bahawa dua Menteri Kewangan dan seorang Menteri Tugas-tugas Khas dilantik untuk menjalankan tanggungjawab tertentu supaya pembangunan ekonomi negara dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh dan berkesan.

Menurutnya, Menteri Tugas-tugas Khas bertanggungjawab kepada pembangunan ekonomi manakala Menteri Kewangan bertanggungjawab terhadap dasar dan urusan kewangan negara.

Katanya, langkah yang diambil kerajaan untuk memulihkan ekonomi sehingga kini sudah menunjukkan kesan positif.

(END)